

Mustafa Ishak mencadangkan agar Jabatan Pendaftar universiti ini mengeluarkan surat peringatan tiga tahun lebih awal sebelum kakitangan bersara.

Langkah ini bertujuan mengingatkan mereka supaya membuat persiapan lebih awal agar lebih bersedia melalui fasa berpencen.

"Saya mencadangkan setiap individu yang akan bersara perlu membuat perancangan dua atau tiga tahun lebih awal untuk mengelak sebarang kemungkinan seperti tanggungan pendidikan anak-anak mahupun gangguan masalah kesihatan," katanya.

Tambah beliau, perancangan kewangan yang rapi adalah sangat penting bagi mengatasi masalah pendapatan berkurangan.

Beliau berkata demikian ketika meraikan empat kakitangan universiti ini yang akan bersara dalam masa terdekat iaitu Fauzi Zainol, Juruaudit di Jabatan Canselori; Hapidzah Idris, Penolong Pegawai Tadbir, Kolej Sastera dan Sains (UUM CAS); Masni Fadzil, Pembantu Tadbir (Perkeranian dan operasi) Kanan, Kolej Sastera dan Sains (UUM CAS); dan Ahmad Mohamed Zain, Pemandu Kenderaan Kanan, Jabatan Pendaftar.

Dalam ucapan yang sama, Dr Mohamed Mustafa turut merakamkan ucapan terima kasih kepada kakitangan yang diraikan di atas perkhidmatan cemerlang yang telah disumbangkan selama ini kepada universiti ini.

Walau bagaimanapun, beliau turut mengalu-alukan kunjungan mereka ke UUM pada masa-masa akan datang.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my

Disclaimer:

This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.